



Ruj kami : MAQIS.800-1/1/11 (53)

Tarikh : 18 Mei 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

ARAHAN PENGUATKUASAAN SEKATAN PENGIMPORAN BAGI LIMA (5) SPESIES UDANG TERPILIH DARIPADA THAILAND

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah bersetuju untuk melaksanakan **sekatan sementara ke atas pengimportan lima (5) spesies udang terpilih dari Thailand** iaitu *Penaeus esculentus*, *Fenneropenaeus merguensis*, *Penaeus vannamei*, *Penaeus monodon*, dan *Penaeus stylirostris*, berkuatkuasa mulai **1 Jun 2026**. Keputusan ini dibuat selaras dengan prinsip perdagangan yang adil serta sebagai langkah timbal balas terhadap sekatan sama yang dikenakan oleh pihak Thailand ke atas lima (5) spesies udang terpilih dari Malaysia. Walau bagaimanapun, tarikh pelaksanaan tersebut adalah tertakhluk kepada sebarang ketetapan lanjut oleh pihak KPKM dari semasa ke semasa.

3 Merujuk kepada surat arahan dari Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) adalah seperti di lampiran dengan nombor rujukan Prk.ML. (S). 03/38 Jld. 29 (35) berkenaan sekatan ke atas lima (5) spesies terpilih, hanya dua (2) daripada lima (5) spesies udang tersebut mempunyai kod *Harmonized System* (HS) yang khusus, manakala baki tiga (3) spesies lagi dikelaskan di bawah kategori 'others', yang turut merangkumi pelbagai spesies udang lain. Keadaan ini berkemungkinan menimbulkan cabaran dari sudut pemeriksaan dan pengesahan spesies sebenar yang diimport.

4. Sehubungan itu, pihak tuan/puan hendaklah memastikan semua pegawai di bawah seliaan peka dengan pemakluman ini untuk memastikan spesies yang tertakhluk kepada sekatan tidak dibawa masuk ke Malaysia.

Ruj kami : MAQIS.800-1/1/11 (53)
Tarikh : 18 Mei 2026

Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Bahagian Import, Eksport dan Data di talian 03-8870 8098/8003 atau melalui e-mel di sied@maqis.gov.my. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN)

s.k

- i. Timbalan Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
- ii. Semua Komandan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS)
- iii. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan MAQIS
- iv. Pengarah Bahagian Import Eksport dan Data MAQIS

Ruj kami : MAQIS.800-1/1/11 (53)
Tarikh : 18 Mei 2026

SENARAI EDARAN

- 1. Ketua Pengarah**
Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia,
Aras 1, Setia Perkasa 2,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 WP Putrajaya

- 2. Pengarah MAQIS Negeri Selangor**

- 3. Pengarah MAQIS Negeri Johor**

- 4. Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang**

- 5. Pengarah MAQIS Negeri Kelantan**

- 6. Pengarah MAQIS Negeri Kedah**

- 7. Pengarah MAQIS Negeri Perlis**

- 8. Pengarah MAQIS Negeri Perak**

- 9. Pengarah MAQIS Negeri Pahang/Terengganu**

- 10. Pengarah MAQIS WP Labuan**

- 11. Pengarah MAQIS Negeri Melaka/Negeri Sembilan**



Rujukan Kami : Prk.ML. (S). 03/38 Jld. 19 (35)

Tarikh : 15 Mei 2026

YBrs. Tuan Mohamad Shaffie bin Hassan

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

Aras 4, Menara 4G1 Wisma Tani

No.28, Persiaran Perdana, Presint 4

Putrajaya



YBrs. Tuan,

ARAHAN PENGUATKUASAAN SEKATAN PENGIMPORAN BAGI LIMA (5) SPESIES UDANG TERPILIH DARIPADA THAILAND

Dengan segala hormatnya saya menjemput perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang tuan sedia maklum, Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah bersetuju untuk melaksanakan **sekatan sementara ke atas pengimportan lima (5) spesies udang terpilih dari Thailand** iaitu *Penaeus esculentus*, *Fenneropenaeus merguensis*, *Penaeus vannamei*, *Penaeus monodon*, dan *Penaeus stylirostris*, berkuatkuasa mulai 1 Jun 2026. Keputusan ini dibuat selaras dengan prinsip perdagangan yang adil serta sebagai langkah timbal balas terhadap sekatan sama yang dikenakan oleh pihak Thailand ke atas lima (5) spesies udang terpilih dari Malaysia. Walau bagaimanapun, tarikh pelaksanaan tersebut adalah tertakluk kepada sebarang ketetapan lanjut oleh pihak KPKM dari semasa ke semasa.

3. Merujuk kepada sekatan ke atas lima (5) spesies terpilih, hanya dua (2) daripada lima (5) spesies udang tersebut mempunyai kod *Harmonized System* (HS) yang khusus, manakala baki tiga (3) spesies lagi dikelaskan di bawah kategori 'others', yang turut merangkumi pelbagai spesies udang lain. Keadaan ini berkemungkinan menimbulkan cabaran dari sudut pemeriksaan dan pengesahan spesies sebenar yang diimport,

4. Sehubungan dengan itu, adalah dipohon kerjasama pihak MAQIS untuk mempertimbangkan pelaksanaan keperluan pengisytiharan spesies udang oleh pengimport dalam permit import, bagi membantu memastikan spesies yang tertakluk kepada sekatan tidak dibawa masuk ke Malaysia.
5. Kerjasama pihak MAQIS juga dipohon untuk memastikan pemakluman berhubung pelaksanaan sekatan ini dapat disebarluaskan kepada pihak pengimport dan pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memastikan pematuhan serta tindakan sewajarnya dapat diambil oleh pihak terlibat.
6. Bersama ini disertakan gambar serta ciri-ciri pengenalpastian bagi lima (5) spesies udang yang tertakluk kepada sekatan pengimportan ini untuk rujukan dan tindakan lanjut pihak tuan.
7. Perhatian dan kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah

Salam Hormat,


(DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSAIN)
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Putrajaya

- s.k.
- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, KPKM
 - SUB Bahagian Antarabangsa, KPKM
 - SUB Bahagian Sekuriti Makanan, KPKM
 - SUB Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan, KPKM

Ketua Pengarah LKIM

Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan), KKM

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), DOF

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan), DOF

Pengarah Kanan Bahagian Biosekuriti Perikanan, DOF

Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur, DOF

Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, DOF



Penaeus merguensis (de Man, 1888)

SIZE: Max L 24 cm (body length)

FAO NAMES: *Eng* Banana prawn

Esp Langostino banana

MAIN CHARACTERISTICS:

A. Tip of rostrum horizontally straight, rostral crest very high and broadly triangular in large specimens; rostrum bears six to nine teeth on dorsal margin, three to six teeth on ventral margin; **B.** hepatic crest and gastrofrontal crest absent, gastroorbital crest varying from distinct to nearly absent; **C.** colour rosy to pale yellow or grey-greenish, with grey-greenish or grey-bluish dots.

DISTRIBUTION: Indo-Pacific: widely spread from Gulf of Oman (Arabian Sea) to northern Australia, including southern China and the Philippines.



Penaeus monodon (Fabricius, 1798)

SIZE: Max L 35 cm (body length)

FAO NAMES: *Eng* Giant tiger prawn

Esp Langostino jumbo

MAIN CHARACTERISTICS:

A. Rostrum bears six to eight teeth on dorsal margin and three teeth on ventral margin; **B.** hepatic crest almost horizontal, well separated from base of antennal crest; **C.** colour tawnyish to grey-greenish, bluish or reddish; dark brown and mud-yellow stripes are present on abdomen, mud-yellow transverse bands on carapace.

DISTRIBUTION: Indo-Pacific: widely spread from southeastern Africa to Red Sea, India, China, Japan, Australia and Papua New Guinea.



Penaeus stylirostris (Stimpson, 1871)

SIZE: Max L 26.3 cm (body length)

FAO NAMES: *Eng* Blue shrimp
Esp Camarón azul

MAIN CHARACTERISTICS:

A. Rostrum bears five to ten teeth on dorsal margin (teeth are absent from anterior third of rostrum) and three to eight teeth on ventral margin; **B.** gastrofrontal crest absent; **C.** colour white-rosy, red-yellowish, grey-greenish, light azure-violet.

DISTRIBUTION: Eastern Pacific: Mexico (Baja California) to Peru.



Penaeus vannamei (Boone, 1931)

SIZE: Max L 23 cm (body length)

FAO NAMES: *Eng* Whiteleg shrimp
Esp Camarón patiblanco

MAIN CHARACTERISTICS:

A. Rostrum is slender and straight, tip is slightly curved downwards; rostrum bears eight to nine teeth on dorsal margin and one to two teeth on ventral margin (posterior tooth situated at level of or anterior to anterior dorsal tooth); **B.** gastrofrontal crest absent; **C.** light-coloured, with whitish, grey-greenish or grey-yellowish tones.

DISTRIBUTION: Eastern Pacific: from the Gulf of California to northern Peru; this species is also cultured in many countries of the world.



Penaeus esculentus (Haswell, 1879)

Size: Maximum total length 145 mm , 155 mm .

FAO Names: Brown tiger prawn (En)

Crevette tigrée brune (Fr)

Camarón tigre marrón (Sp).

Local Names: Brown tiger prawn, Tiger prawn, Common tiger prawn (Australia).

Penaeus (*Melicertus*) *marginatus* Randall, 1840

Distribution: Indo-West Pacific: W., N. and E. Australia from Shark Bay to central New South Wales. There is a doubtful record from Borneo.

Rujukan:

FAO & WCO. 2023. HS Codes for fisheries and aquaculture products – Harmonized System. Nomenclature 2022. Second edition, updated and expanded. Rome and Brussels.

<https://doi.org/10.4060/cc6347en>

Holthuis, L.B.,FAO species catalogue. Vol.1. 1980 Shrimps and prawns of the world. An annotated catalogue of species of interest to fisheries. FAO Fish.Synop., (125)Vol.I:271 p.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD SECURITY

Wisma Tani
 No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62624 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Telefon : 603 8000 8000
 Faks : 603 8888 6020

MOA/ITTP/600-4/1/10 (12)

1 April 2026



SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

CADANGAN PEMERKASAAN KAWALAN IMPORT IKAN SIAKAP DAN UDANG DARI THAILAND

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah bersetuju untuk melaksanakan kawalan import terhadap ikan siakap dan udang daripada Thailand melalui penguatkuasaan *Certificate of Analysis* (CoA) bagi siakap dan pelaksanaan soal selidik (*questionnaire*) bagi udang. Keputusan ini diambil selaras dengan prinsip perdagangan yang adil serta sebagai tindak balas timbal balik (*reciprocal*) terhadap layanan Thailand yang telah mengenakan syarat yang sama terhadap siakap dan udang dari Malaysia.

3. Dalam hubungan ini, pelaksanaan CoA bagi import siakap dari Thailand akan menggunakan prosedur operasi standard (SOP) dan parameter yang ditetapkan oleh pihak Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti di **Lampiran A**. Buat masa ini, pematuhan syarat CoA ini diberikan pengecualian kepada penternak tempatan khususnya penternak kecil dan sederhana. Namun begitu, penternak tempatan disyorkan untuk mendapatkan Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) bagi tujuan keselamatan makanan.

4. Bagi udang pula, pelaksanaan *questionnaire* akan diikuti dengan sekatan sementara kemasukan udang daripada Thailand sehingga pihak Thailand mengemukakan *questionnaire* yang lengkap dan Malaysia berpuas hati dengan maklum balas *questionnaire* tersebut.

Pn Ailin
 Pn Faridah

Pn nadth / cik orana

22/4

- untuk tindakan spt
 yg telah sy emel

PBI ED, PBPP

makl ke Indokan

PENGARAH BIED
 MAQIS



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
 CERT. NO. MY-QMS 02386

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
 CERT. NO. AR 5894

Makl ke
 KP MAQIS
 tr b ka
 selanjutnya
 2026/04/22

5. Kedua-dua langkah kawalan import ini melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah PKKM KKM, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan para pengimport. Sesi libat urus (SLU) bersama pengimport dan Jabatan/ Agensi berkaitan perlu diadakan terlebih dahulu bagi memastikan kesediaan dan kelancaran pelaksanaan kawalan ini, sebelum ianya dikuatkuasakan.

6. Pengurusan Tertinggi KPKM juga telah bersetuju supaya pelaksanaan CoA bagi siakap dan *questionnaire* bagi udang dari Thailand ini dikuatkuasakan bermula 1 Jun 2026. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan terhadap cadangan gerak kerja seperti di Lampiran B dan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

BIL.	CADANGAN	TINDAKAN
1.	SLU bersama pengimport dan AKPS bagi memastikan kesediaan dan kelancaran pelaksanaan syarat CoA dan <i>questionnaire</i> .	BDI dan LKIM
2.	Pelaksanaan CoA bagi import ikan siakap dari Thailand.	LKIM, MAQIS, PKKM, AKPS
3.	Pelaksanaan <i>questionnaire</i> bagi udang dari Thailand dan sekatan sementara import udang sehingga pihak Thailand mengemukakan <i>questionnaire</i> yang lengkap dan Malaysia berpuas hati dengan maklum balas <i>questionnaire</i> tersebut.	DOF
4.	Mewajibkan pensijilan MyGAP di semua ladang akuakultur dan menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri untukewartakan dan menguatkuasakan Peraturan-peraturan Perikanan Darat.	DOF
5.	Pemeriksaan kapasiti teknikal, khususnya kemudahan makmal, kepakaran analisis dan sumber manusia.	PKKM KKM
6.	Pengecualian keperluan sijil CoA terhadap penternak tempatan khususnya penternak kecil.	PKKM KKM, DOF
7.	Penambahbaikan mekanisme pengesahan dan ketulenan (<i>authenticity</i>) sijil CoA di pintu masuk.	AKPS

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(JAZMAN AZI BIN JAMALLUDIN)
Bahagian Sekuriti Makanan
b/p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

s.k.:

YBhg. Datuk Seri KSU
YBhg. Dato' TKSU (P)

EDARAN DALAMAN

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan
Aras 13, Menara 4G1, Wisma Tani
No.28 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA MALAYSIA

Setiausaha Bahagian
Bahagian Antarabangsa
Aras 13, Menara 4G1, Wisma Tani
No.28 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA MALAYSIA

EDARAN LUAR

Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
Aras 1-6, Menara 4G2, Wisma Tani
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4
62628 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 Puchong
SELANGOR

Ketua Pengarah
Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia
Aras 9, Setia Perkasa 3,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

KERTAS CADANGAN: PEMERKASAAN KAWALAN IMPORT BAGI IKAN SIAKAP (BARRAMUNDI) SEJUK DINGIN DAN SEJUK BEKU DARI THAILAND

1. PENDAHULUAN

Kertas ini bertujuan untuk mencadangkan mekanisme kawalan keselamatan makanan yang lebih ketat melalui keperluan **Sijil Analisis (Certificate of Analysis, CoA)** bagi ikan siakap dari Thailand susulan daripada isu *market access* pengeksporan udang dan siakap dari Malaysia ke negara tersebut.

Cadangan kawalan ini juga telah dipersetujui di bawah Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pengeksportan dan Pengimportan Ikan serta Hasilan Ikan Bilangan 1 Tahun 2026 pada 12 Mac 2026 dan berdasarkan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Import dan Eksport Keluaran Pertanian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KPKM.

2. CADANGAN PELAKSANAAN

3.1 Keperluan Sijil Analisis (CoA)

- a) Setiap konsainan import bagi ikan siakap dari Thailand wajib disertakan dengan CoA.
- b) Keputusan analisis wajib menyenaraikan cecairan logam dan residu drug serta keputusan hendaklah tidak melebihi kadar maksimum di bawah Peraturan 38 dan Peraturan 40, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 seperti di **Lampiran 1**.
- c) Parameter logam berat dipilih berdasarkan risiko pencemaran industri di tempat penternakan manakala bagi residu drug berkemungkinan berpunca daripada amalan untuk mengawal jangkitan penyakit dalam industri akuakultur ini.
- d) Terdapat juga parameter yang dipilih berdasarkan nilai *Acceptable Daily Intake (ADI)* (pengambilan harian yang boleh diterima) yang rendah bagi melindungi kesihatan awam.
- e) Berdasarkan data pensampelan dan pelanggaran semasa seperti di **Lampiran 2**, tindakan wajar diambil sekiranya peratus pelanggaran mencecah 4% (*action limit*) memandangkan produk tersebut boleh dikategorikan sebagai makanan yang berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, Program ini tiada halangan ke atas cadangan untuk mengenakan keperluan tambahan ini dengan mengambil kira kepentingan keseimbangan ekonomi negara.

3.2 Standard Makmal dan Pengiktirafan

- a) CoA mestilah dikeluarkan oleh makmal yang diakreditasi (*accredited laboratory*) di bawah ISO/IEC 17025 atau yang mendapat pengiktirafan/penyenaraian daripada *Competent Authority* negara Thailand.

3.3 Penyelarasan dengan Penternak Tempatan

- a) Prinsip keadilan pasaran dilaksanakan di mana penternak tempatan turut tertakluk kepada keperluan yang sama.
- b) Penternak tempatan wajib melaksanakan sistem kebolehsasaran bagi rantai bekalan komoditi.
- c) Penternak tempatan wajib mempunyai jadual pensampelan berkala dan menghantar sampel ke makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM. Namun, keperluan ini dikecualikan bagi penternak yang telah mendapatkan pensijilan MyGAP daripada Jabatan Perikanan Malaysia.

3.4 Notifikasi Global/Negara Terlibat

- a) Makluman rasmi mengenai keperluan baharu ini akan disalurkan secara *bilateral* dengan Thailand.
- b) Sekiranya mekanisme ini diperluaskan ke negara lain, makluman rasmi perlu disalurkan melalui WTO (SPS).
- c) Pelaksanaan selepas 6 bulan dari pemakluman rasmi.

4. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DI PINTU MASUK

KEADAAN	TINDAKAN
Tiada CoA Disertakan dan Pelanggaran Kadar Maksimum	Larangan pengimportan.
CoA Disertakan dengan Pelanggaran Kadar Maksimum	Larangan pengimportan.
Pensampelan Rawak	Pegawai diberi kuasa akan menjalankan pensampelan tambahan sekiranya perlu (berasaskan risiko). Tindakan TUL (Tahan Uji Lepas) akan dikenakan ke atas konsainan berikutnya sekiranya terdapat pelanggaran kadar maksimum. Pengimport akan diberi notis awal kerana melibatkan fi analisis makmal untuk konsainan berikutnya.

5. CARTA ALIR

Prosedur terperinci mengenai aliran pelepasan konsainan makanan import adalah merujuk kepada **Lampiran 3**.

6. KESIMPULAN

Pelaksanaan syarat CoA ini akan meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap kualiti dan keselamatan makanan ikan siakap di pasaran serta memastikan pengimportan dilakukan secara bertanggungjawab oleh semua pengimport.

Disediakan Oleh:

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN 1**CADANGAN PARAMETER BAGI KEPERLUAN COA PENGIMPORAN IKAN
SIKAP (BARRAMUNDI) SEJUK DINGIN DAN SEJUK BEKU DARI THAILAND****CEMARAN LOGAM**

Parameter	Kadar maksimum (mg/kg)
Inorganik arsenic	1
Plumbum	1
Methyl merkuri	1
Cadmium	1

RESIDU DRUG

Parameter	Kadar maksimum residu (ug/kg)
Chloramphenicol	Tidak dibenarkan
Nitrofuram	Tidak dibenarkan
Quinolones	Tidak dibenarkan
Fluoroquinolones	Tidak dibenarkan
Oxytetracycline	200

LAMPIRAN 2

DATA PENSAMPELAN DAN PELANGGARAN TAHUN 2021 -2025

TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN DATA TAHUN 2021-2025 (THAILAND)		
	BILANGAN SAMPEL	BILANGAN PELANGGARAN	% PELANGGARAN
2021	0	0	0
2022	0	0	0
2023	8	0	0
2024	9	0	0
2025	11	0	0
JUMLAH	28	0	0

TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN DATA TAHUN 2021-2025 (SEMUA NEGARA)		
	BILANGAN SAMPEL	BILANGAN PELANGGARAN	% PELANGGARAN
2021	2	0	0
2022	3	0	0
2023	32	0	0
2024	34	0	0
2025	32	3	9.38
JUMLAH	103	3	2.91

LAMPIRAN 3

CARTA ALIR PROSEDUR PELEPASAN KONSAINAN MAKAN IMPORT OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

